

25 AUG 2001

Arafat-Pemerhati

ARAFAT MAHU PEMERHATI ANTARABANGSA

PUTRAJAYA, 25 Ogos (Bernama) -- Presiden Palestin Yasser Arafat hari ini berkata beliau sedang melobi masyarakat antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Liga Arab supaya menghantar pemerhati antarabangsa ke Palestin supaya semua inisiatif keamanan dapat dilaksanakan.

Arafat, yang dalam lawatan kali kedua ke Malaysia tahun ini, berkata pemerhati antarabangsa perlu ditempatkan di Tebing Barat dan Gaza bagi membantu menghentikan keganasan sejak 11 bulan lalu yang mengorbankan lebih 700 nyawa.

Beliau bercakap pada sidang media selepas perjumpaan sejam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana di sini.

Arafat berkata Palestin telah menerima semua usaha perdamaian yang dicapai sebelum ini termasuk Paris, Oslo, Camp David, Lisbon dan Athens tetapi hasilnya setakat ini ialah peningkatan keganasan oleh tentera Israel ke atas penduduk Palestin dan di tempat-tempat suci Islam dan Kristian.

Rombongan tujuh anggota yang diketuai Arafat itu singgah di sini untuk memberi penerangan kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terbaru Asia Barat.

Ia sebahagian daripada lawatan Arafat ke negara-negara Asia yang bertujuan mendapatkan sokongan antarabangsa kepada perjuangan rakyat Palestin menentang penaklukan Israel dan pertumpahan darah di rantau itu.

Arafat berkata cadangan terbaru dibuat oleh Menteri Luar Yaman Dr Abubaker Al-Qirbi yang berusaha menganjurkan pertemuan antara beliau dengan Menteri Luar Israel Shimon Peres.

"Saya beritahu beliau bahawa saya telah berjumpa Peres di Kaherah, Lisbon dan Athens. Tetapi sehingga sekarang, kita tidak mencapai apa-apa yang konkrit untuk menamatkan pertempuran," katanya.

"Sekarang Ariel Sharon (Perdana Menteri Israel) menyatakan mereka bercadang melaksanakan pelan pemisahan Hebron...ini rancangan jahat terhadap tempat suci orang-orang Islam dan Kristian dan penduduk Palestin," katanya.

Walaupun menghadapi kesengsaraan dan serangan ketenteraan, Arafat berkata penduduk Palestin mempunyai semangat gigih untuk mengharungi keadaan itu.

Beliau berkata tentera Israel telah menggunakan bom gas dan senjata canggih Amerika Syarikat (AS) seperti kereta kebal dan helikopter Apache ke atas penduduk Palestin.

"Saya telah memaklumkan perkara itu kepada Bush (Presiden AS George W. Bush) dan Powell (Setiausaha Negara AS Colin Powell). Saya tidak boleh bergerak tanpa persetujuan saudara-saudara Arab dan Kristian untuk mempertahankan tempat-tempat suci itu," katanya.

Mengenai lawatan singkatnya sebelum berlepas ke Bangladesh, Arafat berkata beliau telah menjelaskan mengenai situasi semasa kepada Dr Mahathir.

"Saya telah memberikan gambaran penuh kepada (Dr Mahathir) dan bagaimana penderitaan yang kami tanggung dan kami menerima sokongan kuat daripada beliau dan rakyat Malaysia," katanya.

Antara yang turut serta dalam rombongan Arafat ialah Menteri Perancangan dan Kerjasama Antarabangsa, Dr Nabil Shaath dan Menteri Kerajaan Tempatan, Dr Saeb Irekat.

-- BERNAMA

DC MOZ